



Pakej perniagaan



**Pakej kos efektif  
semua dalam satu untuk  
keperluan perniagaan anda**

**Business Advantage Plus (Enhanced)**

Menawarkan pelbagai perlindungan untuk  
perniagaan anda

# Apa yang diliputi oleh polisi saya?

## ■ Kebakaran

Melindungi kerugian atau kerosakan terhadap bangunan, kerugian sewa, stok dagangan dan isi kandungan lain yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan/atau peril lain yang dilanjutkan.

Kecurian harta benda akibat kebakaran sehingga RM5,000 adalah dilanjutkan kepada perlindungan kebakaran. **MANFAAT PERCUMA BARU**

## ■ Kerugian Akibat Kebakaran

Melindungi anda daripada kerugian pendapatan dan penambahan kos operasi sekiranya perniagaan anda terganggu akibat kebakaran, kilat dan/atau peril lain yang dilanjutkan.

## ■ Semua Risiko Khas

Menginsuranskan aset fizikal anda, termasuk peralatan, perabot, lekapan dan kelengkapan daripada kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, kilat, peril yang dilanjutkan dan sebab-sebab lain akibat kemalangan yang dilindungi dalam terma polisi.

## ■ Kecurian

Melindungi anda daripada kehilangan harta benda yang disebabkan oleh pecah masuk dan kecurian (termasuk cubaan mencuri). Juga meliputi kerosakan terhadap premis anda, jika anda bertanggungjawab untuk memperbaiki kerosakan tersebut.

## ■ Wang

Membayar balik kerugian wang dalam transit atau disimpan di premis yang diinsuranskan.

## ■ Kemalangan Diri Berkumpulan

Melindungi sekumpulan individu untuk kecederaan tubuh, kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan.

## ■ Liabiliti Awam

Menginsuranskan anda terhadap tanggungjawab undang-undang untuk kecederaan tubuh atau kerosakan harta benda pihak ketiga yang timbul akibat daripada perniagaan anda.

## ■ Liabiliti Majikan

Perlindungan terhadap liabiliti akibat kecauaian terhadap pekerja anda yang berlaku dalam pekerjaan.

## ■ Jaminan Kesetiaan

Memberi perlindungan terhadap kehilangan wang atau harta benda akibat penipuan atau ketidakjujuran oleh pekerja.

## ■ Kepingan Kaca

Melindungi pecah yang tidak disengajakan untuk semua jenis kaca tetap, seperti kepingan, berperak, berwayar, dan lain-lain kaca hiasan dan berhuruf termasuk tingkap yang tidak berpantul.

## ■ Pampasan Pekerja

Melindungi pembayaran pampasan kepada pekerja untuk kecederaan yang dialami semasa dalam pekerjaan berdasarkan Akta Pampasan Pekerja (Pindaan) 1996 dan Akta-Akta yang berkaitan.

## ■ Loji & Peralatan Bergerak

Menginsuranskan kenderaan/peralatan yang digerakkan secara mekanikal yang tidak dilesenkan atau digunakan di jalan raya.

## ■ Kerosakan Jentera

Memberi perlindungan bagi kerugian atau kerosakan terhadap mesin anda.

## ■ Kerosakan Jentera - Kehilangan Keuntungan

Melindungi kerugian kewangan akibat kerosakan mesin.

## ■ Peralatan Elektronik

Memberi perlindungan bagi kerugian atau kerosakan terhadap komputer atau peralatan elektronik anda.

## ■ Barang Dalam Transit

Memberi perlindungan terhadap kehilangan atau kerosakan barang anda dalam transit melalui jalan raya atau kereta api.



## Manfaat-manfaat Tambah Nilai - Pilihan

### **PERTAMA DI PASARAN**

## ■ Elaun Kesulitan dengan manfaat 2 pembayaran selain daripada pembayaran tuntutan kerosakan kebakaran atau peril yang diinsuranskan

- **Manfaat pembayaran pertama dalam tempoh 5 hari bekerja** (Terpakai kepada kerosakan fizikal yang disebabkan oleh kebakaran atau peril-peril lain yang diinsuranskan sahaja)
- **Manfaat pembayaran kedua (sehingga 10% tuntutan dibayar untuk pelan yang dipilih)** setelah dokumen lengkap dan pengesahan tuntutan diterima

Terima Elaun Kesulitan untuk meringankan beban anda dalam situasi-situasi ini!



Stesen Polis/  
Badan Kerajaan



Sumber Mobiliti



Kos Bekerja  
Meningkat



Bayaran Balik  
Pinjaman



Hubungi  
Pelanggan Terjejas



Penyelesaian  
Alternatif

# Manfaat eksklusif yang direka khas untuk industri anda



Boleh digunakan sekiranya perniagaan anda bergiat di bawah industri berikut



## Untuk Makanan & Minuman

### Tunai Hospital untuk Tukang Masak

**Kami akan membayar RM100 sehari** sekiranya tukang masak anda dimasukkan ke hospital sehingga 100 hari!

### Pembatalan Acara\*

**Kami akan membayar RM2,000** untuk pembatalan acara yang telah ditempah lebih awal akibat banjir atau kecurian.

### Perlindungan Kawalan Haiwan Perosak \*

**Kami akan membayar RM2,000** sebagai elaun kawalan haiwan perosak sekiranya berlaku kejadian banjir.

### Kerosakan Makanan\*

**Kami akan membayar sehingga RM2,000** untuk kerosakan makanan akibat banjir.

### Keracunan Makanan & Minuman

**Kami melindungi anda** terhadap liabiliti undang-undang akibat keracunan makanan atau minuman yang berkaitan dengan perniagaan anda berdasarkan Jadual Manfaat, termasuk liabiliti undang-undang untuk kecederaan pihak ketiga.



## Untuk Hotel Bajet

### Pembatalan acara pada saat akhir akibat banjir\*

**Kami akan membayar RM2,000** untuk pembatalan acara yang ditempah lebih awal akibat banjir.

### Kehilangan bagasi pelanggan

**Kami akan membayar** untuk kerosakan yang tidak disengajakan, kehilangan atau kecurian bagasi pelanggan semasa disimpan di Concierge. Had sehingga RM500 bagi setiap kejadian.

### Keracunan Makanan & Minuman

**Kami melindungi anda** terhadap liabiliti undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan anda berdasarkan Jadual Manfaat, termasuk liabiliti undang-undang untuk kecederaan pihak ketiga.

### Hasil seni hotel - lukisan dan patung\*\*

**Kami akan membayar untuk kerosakan yang tidak disengajakan, kehilangan atau kecurian** hasil seni hotel seperti lukisan, patung dan lain-lain. Had sehingga RM500 bagi setiap artikel.

### Kerosakan kereta pelanggan

**Kami akan membayar untuk kerosakan yang tidak disengajakan** terhadap kenderaan pelanggan semasa diletakkan di dalam premis hotel akibat kecuaiian pengendali hotel. Tertakluk kepada had Liabiliti Awam.



## Untuk Pusat Pembelajaran

### Pembersihan Penyakit Berjangkit Global

**Kami akan membayar RM3,000** untuk pembersihan penyakit berjangkit global.

### Kos Penggantian untuk Guru kerana dimasukkan ke hospital

**Kami akan membayar RM100 sehari** untuk kos penggantian guru anda kerana dimasukkan ke hospital sehingga 100 hari!

### Kecurian Barangan Peribadi Guru

**Kami akan melindungi anda** daripada kecurian harta benda guru sehingga RM500 setiap kejadian.

### Keracunan Makanan & Minuman

**Kami melindungi anda** terhadap liabiliti undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan anda berdasarkan Jadual Manfaat termasuk liabiliti undang-undang untuk kecederaan pihak ketiga.

### Diskaun 10% untuk SmartStudent Care

**Nikmati diskaun 10%** untuk insurans **SmartStudent Care** apabila anda mendaftar untuk pakej ini.

*Nota: \* Peril banjir mesti dipilih untuk menikmati faedah ini.*

*\*\* Dengan syarat "Semua Risiko Khas" dilindungi.*

# Perkhidmatan Percuma untuk Semua Pemegang Polisi



## Ketahui risiko anda

Perkhidmatan Pengurusan Risiko kami dapat membantu anda dalam hal yang berikut, tanpa sebarang kos!

- Tinjauan untuk mengenal pasti penemuan pencegahan kerugian
- Pelan Kesenambungan Perniagaan untuk membantu anda terus bertahan dalam sebarang keadaan
- Menilai sistem keselamatan dan perlindungan kebakaran dan merancang untuk memaksimumkan premium simpanan
- Prosedur dan sistem pengurusan risiko seperti pemindahan kecemasan, pemeriksaan kebakaran dan keselamatan



## Perkhidmatan tuntutan segera

Pelanggan kami adalah keutamaan kami. Kami berpegang kepada pembayaran segera dan pantas untuk segala tuntutan.

Bersama kami, anda akan mendapat perlindungan yang anda perlukan serta jaminan bahawa semua tuntutan anda akan dilayan tanpa sebarang tangguhan.

## Daftarlah **Business Advantage Plus (Enhanced)** hari ini!

Untuk maklumat lanjut, hubungi ejen anda atau

Talian Khidmat Pelanggan AXA (603) 2170 8282

Waktu Operasi: 8.30pg hingga 5.30ptg (Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum)

[www.axa.com.my](http://www.axa.com.my)

Dapatkan maklumat lanjut daripada ejen insurans anda

**AXA Affin General Insurance Berhad** (197501002042)  
Ground Floor, Wisma Boustead, 71 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: (603) 2170 8282 Faks: (603) 2031 7282  
E-mel: [customer.service@axa.com.my](mailto:customer.service@axa.com.my)



Risalah ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan definisi yang tepat dinyatakan dalam polisi insurans.

Sekiranya berlaku perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

### Nota Penting:

1. Sila baca risalah ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Business Advantage Plus (Enhanced). Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am yang terdapat pada Lembaran Pendedahan Produk.
2. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus Kami untuk keterangan lanjut.

# Borang Cadangan

Tarikh: 

## YA! Perniagaan saya memenuhi terma dan syarat berikut:

- ✓ **Pembinaan Kelas 1A\*** - dinding bata/konkrit dan berbumbung dengan bahan tidak mudah terbakar
- ✓ **Pembinaan Kelas 1B\*** - sebahagian dinding bata/konkrit dan berbumbung dengan bahan tidak mudah terbakar
- \*Nota: Rujuk Semakan Tarif Kebakaran untuk maklumat lebih lanjut
- ✓ **Tiada pengalaman tuntutan dalam 2 tahun terakhir**
- ✓ **Semua pintu masuk ke premis saya dilindungi dengan penutup gendela gulung/pintu kaca/jeriji besi dan mangga**
- ✓ **Insurans yang dicadangkan sekarang tidak ditolak, dibatalkan, ditolak pembaharuan atau tertakluk kepada terma khas oleh syarikat insurans lain**

Sekiranya perniagaan anda tidak memenuhi terma dan syarat di atas, sila hubungi kami di (603) 2170 8282 atau e-mel ke [customer.service@axa.com.my](mailto:customer.service@axa.com.my)

## A. KEBAKARAN (Wajib)

Sila tanda (✓) dan isi dengan penuh.

Harta untuk diinsuranskan	Jumlah Diinsuranskan (RM)
<input type="checkbox"/> Bangunan	
<input type="checkbox"/> Perabot, Lekapan dan Kelengkapan Perniagaan	
<input type="checkbox"/> Loji dan Mesin	
<input type="checkbox"/> Pembuangan Sampah Sarap	
<input type="checkbox"/> Sewa untuk ____ bulan	
<input type="checkbox"/> Stok dalam dagangan (Jenis barang: _____ )	
<input type="checkbox"/> Lain-lain (sila senaraikan)	
<b>Jumlah Diinsuranskan Keseluruhan</b>	

Nota: Pastikan Jumlah Diinsuranskan untuk bangunan/isi kandungan diinsuranskan dengan secukupnya.

### Peril Khas (Sila Pilih Lanjutan Yang Diperlukan)

<input type="checkbox"/> Kerosakan Pesawat	0.005
<input type="checkbox"/> Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi	0.010
<input type="checkbox"/> Ribut, Ribut Kencang	0.015
<input type="checkbox"/> Banjir*	0.086
<input type="checkbox"/> Letupan - Perindustrian tanpa dandang	0.006
<input type="checkbox"/> Letupan - Perindustrian/Bukan Perindustrian dengan dandang	0.008
<input type="checkbox"/> Letupan - Bukan Perindustrian tanpa dandang	0.005
<input type="checkbox"/> Kerosakan Impak (Tidak termasuk kenderaan pihak yang diinsuranskan)	0.004
<input type="checkbox"/> Kerosakan Impak (Termasuk kenderaan pihak yang diinsuranskan)	0.004
<input type="checkbox"/> Tangki Air/Paip Pecah/Melimpah (> 5 tingkat)**	0.006
<input type="checkbox"/> Tangki Air/Paip Pecah/Melimpah (lain-lain)**	0.005
<input type="checkbox"/> Rusuhan, Mogok & Kerosakan Berniat Jahat	0.014
<input type="checkbox"/> Kebakaran Semak/Lalang	0.005
<input type="checkbox"/> Penanggalan & Gelinciran Tanah (Perlindungan Standard)*	0.081
<input type="checkbox"/> Pembakaran Spontan (Kebakaran Sahaja)	0.081
<input type="checkbox"/> Pembakaran Spontan (Perlindungan Penuh)	0.161
<input type="checkbox"/> Kerosakan oleh Pokok Tumbang atau Dahan Yang Jatuh	0.010
<input type="checkbox"/> Kebocoran Perenjis (Bangunan)	0.005
<input type="checkbox"/> Kebocoran Perenjis (Isi Kandungan)	0.025
<input type="checkbox"/> Fasal Pemasangan Elektrik (B)	0.056

Nota: \*Peril Banjir dan Penanggalan & Gelinciran Tanah hanya dapat dilanjutkan dengan syarat tiada tuntutan yang dilaporkan selama 2 tahun terakhir

\*\*Dengan perlindungan tambahan **BARU**

## B. KERUGIAN AKIBAT KEBAKARAN (Tambahan)

Saya ingin mendapatkan tempoh ganti rugi  6 bulan  12 bulan  18 bulan agar perniagaan saya dapat pulih daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan/atau peril luaran.

Jumlah Tahunan untuk diinsuranskan: (Sila tanda (✓) untuk perlindungan yang diperlukan dan isi.)

Keuntungan Kasar atau  Hasil/Sewa Kasar

Yuran juruaudit

Kenaikan Kos Operasi Tambahan

Lain-lain (sila senaraikan): \_\_\_\_\_

Lanjutan:  Halangan Akses

Kegagalan Kemudahan Awam:  Bekalan elektrik

Bekalan air

Bekalan gas

Nota: Sila berikan maklumat di kertas lain jika lebih daripada yang di atas.

## C. SEMUA RISIKO KHAS (Tambahan)

Segala Benda Yang Dilindungi	Jumlah Diinsuranskan (RM)
3.1 Untuk Peralatan Pejabat	
3.2 Untuk Segala Benda Lain Yang Dilindungi (Sila senaraikan): _____	
Keseluruhan Jumlah Yang Dilindungi	

Nota: Anda boleh mengepilkan maklumat di kertas lain sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.

#### 4. INSURANS PERLINDUNGAN KHAS (Sila pilih pelan yang anda gemari)

Jadual Manfaat	Jumlah Diinsuranskan/Had Liabiliti (RM)			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan Asas/Flexi*
<b>D. Kecurian</b>	50,000	100,000	250,000	RM _____
<b>E. Wang</b>				
Wang dalam Transit	10,000	20,000	50,000	RM _____
Wang di Premis semasa & selepas waktu pemiagaan	10,000	20,000	50,000	RM _____
Kerosakan terhadap Premis	1,000	1,000	1,000	RM _____
Kerosakan terhadap Peti Besi, Laci & Kabinet Berkunci	2,000	2,000	2,000	RM _____
Kemalangan Diri (sehingga 2 pekerja)	10,000 setiap pekerja	10,000 setiap pekerja	10,000 setiap pekerja	RM _____ setiap pekerja
<b>F. Kemalangan Diri Berkumpulan</b>				
Kematian & Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan (sehingga 12 pekerja)	10,000 setiap pekerja	20,000 setiap pekerja	30,000 setiap pekerja	RM _____ setiap pekerja
<b>Had Agregat</b>	80,000	120,000	200,000	RM _____
Hilang Upaya Menyeluruh Sementara	100	100	100	RM _____
Hilang Upaya Separata Sementara	50	50	50	RM _____
Perbelanjaan Perubatan	1,000	1,000	1,000	RM _____
Elaun Tunai Hospital (Kemalangan atau Penyakit - maksimum 100 hari)	100 setiap hari	100 setiap hari	100 setiap hari	RM _____
Perbelanjaan Penghantaran Balik	2,000	2,000	2,000	RM _____
Perbelanjaan Pengebumian	2,000	2,000	2,000	RM _____
<b>G. Liabiliti Awam</b>				
Mana-mana satu kemalangan	250,000	500,000	1,000,000	RM _____
Setiap satu tempoh	1,000,000	1,000,000	1,000,000	RM _____
<b>H. Liabiliti Majikan</b> Ke atas semua pekerja				
Mana-mana satu kejadian	250,000	250,000	250,000	RM _____
Setiap satu tempoh	500,000	500,000	500,000	RM _____
<b>I. Jaminan Kesetiaan</b>	50,000	100,000	200,000	RM _____
<b>J. Kepingan Kaca</b>	5,000	10,000	30,000	RM _____
<b>K. Pampasan Pekerja</b> Had <i>Common Law</i> (dalam mana-mana satu kejadian dan berdasarkan agregat)	1,000,000	1,000,000	1,000,000	RM _____
<b>L. Loji &amp; Peralatan Bergerak</b>	20,000	30,000	50,000	RM _____
<b>M. Kerosakan Jentera</b>	50,000	100,000	150,000	RM _____
<b>N. Kerosakan Jentera - Kehilangan Keuntungan</b>	50,000	100,000	150,000	RM _____
<b>O. Peralatan Elektronik</b>	10,000	20,000	30,000	RM _____
<b>P. Barang Dalam Transit</b>	10,000 setiap satu angkutan	30,000 setiap satu angkutan	50,000 setiap satu angkutan	RM _____
<b>Jumlah Premium Tahunan (RM) termasuk Cukai Perkhidmatan 6%</b>	<b>823.62</b>	<b>1,496.72</b>	<b>2,970.12</b>	<b>Kadar premium akan dikira berdasarkan jumlah diinsuranskan yang disediakan oleh Pihak Diinsuranskan</b>

\* Sila pilih sekurang-kurangnya satu manfaat daripada seksyen ini

## Q. MANFAAT-MANFAAT TAMBAH NILAI (PILIHAN)

Sila pilih pelan yang anda gemari

PELAN DAN PREMIUM ELAUN KESULTAN					
Pelan	Jumlah Pembayaran Pertama/Tahap Kemasukan Diinsuranskan (RM)	Jumlah Pembayaran Kedua/Tahap Kemasukan Diinsuranskan (RM)	Premium (RM) Asas (Bahagian A)	Premium (RM) Komprehensif (Bahagian A, C, L, O)	Disyorkan untuk Jumlah Keseluruhan Minimum Diinsuranskan (RM) (Section A, C, L, O)
1	1,000	10% daripada kerugian bersih yang diselaraskan (sehingga 10,000)	<input type="checkbox"/> 80	<input type="checkbox"/> 160	100,000
2	3,000	10% daripada kerugian bersih yang diselaraskan (sehingga to 30,000)	<input type="checkbox"/> 170	<input type="checkbox"/> 350	300,000
3	5,000	10% daripada kerugian bersih yang diselaraskan (sehingga 50,000)	<input type="checkbox"/> 250	<input type="checkbox"/> 520	500,000
4	8,000	10% daripada kerugian bersih yang diselaraskan (sehingga 80,000)	<input type="checkbox"/> 360	<input type="checkbox"/> 770	800,000

## JUMLAH PREMIUM TAHUNAN

JADUAL PREMIUM				
Perlindungan	Keterangan	Kadar	Jumlah Diinsuranskan (RM)	Premium Tahunan (RM) = (Kadar X Jumlah Diinsuranskan) + Cukai Perkhidmatan 6%
A	Kebakaran			(premium minimum RM79.50)
B	Kerugian Akibat Kebakaran			(premium minimum RM79.50)
C	Semua Risiko Khas			(premium minimum RM79.50)
D - P	Insurans Perlindungan Khas			(Pelan 1, 2, 3 atau Pelan Asas/Flexi)
Q	Manfaat-manfaat Tambah Nilai			(Pelan 1, 2, 3 atau 4, Asas atau Komprehensif)
<b>Jumlah Premium Tahunan (RM) termasuk Cukai Perkhidmatan 6%</b>				

## NOTA PENTING

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika Anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda diandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Data peribadi ("Data Peribadi") yang dikemukakan dan dikumpul daripada anda boleh digunakan oleh Kami dan/atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat AXA da /atau mana-mana syarikat bersekutunya, di dalam atau di luar Malaysia, untuk tujuan yang berkaitan dengan perniagaan insurans atau pemasaran langsung kami. Sehubungan dengan ini, kami boleh mendedahkan maklumat anda (termasuk Data Peribadi anda) kepada mana-mana syarikat yang disebutkan di atas. Kami juga boleh mendedahkan maklumat anda (termasuk Data Peribadi anda) kepada mana-mana pihak ketiga lain (termasuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga, penganggu insurans semula, penyelaras/penyiasat tuntutan, persatuan industri yang berkaitan, pengawal selia, badan berkanun, pihak berkuasa kerajaan dan mana-mana orang yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan dan/atau yang telah melaksanakan tanggungjawab untuk menyimpan data tersebut sulit). Senarai lengkap pendedahan kami kepada pihak ketiga boleh didapati di Notis Privasi Data di laman web kami. Kami akan berhenti menggunakan Data Peribadi jika anda meminta Kami untuk berbuat demikian. Untuk maklumat lanjut tentang cara untuk melaksanakan hak anda, sila rujuk kepada "Notis Privasi Data" dalam mukasurat 10 atau laman web kami di [www.axa.com.my](http://www.axa.com.my).

3. JAMINAN PREMIUM 60 HARI: Dengan adanya jaminan ini, polisi insurans akan dibatalkan secara automatik melainkan premium penuh dibayar kepada penginsurans dalam tempoh 60 hari dari tarikh perlindungan berkuatkuasa. Jika urusan insurans dibuat melalui broker insurans maka broker tersebut akan membentuk kontrak insurans ini bagi pihak Anda. Pembayaran premium kepada broker perlu dibuat secepat mungkin atau dalam tempoh 60 hari jaminan premium bagi membolehkan broker Anda membuat bayaran awal kepada penginsurans. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan resit broker dan resit penginsurans bagi premium yang telah dibayar, daripada broker Anda.
4. Perlindungan tidak akan berkuatkuasa sebelum cadangan bertulis diterima oleh syarikat.
5. Premium yang dikenakan untuk Polisi ini tidak termasuk cukai terpakai yang boleh dikenakan pada masa hadapan dan dari masa ke semasa, Kami berhak untuk memperolehi daripada Anda sebarang cukai-cukai yang perlu dibayar di bawah peruntukan undang-undang.

**Anda diminta menjawab semua soalan di bawah – sebarang tanda atau sengkang adalah tidak memadai. Sila tulis dalam huruf besar dan tandakan (✓) di tempat yang berkenaan.**

### BUTIR-BUTIR PENCADANG

Nama (seperti dalam Kad Pengenalan/Pasport):		<input type="text"/>																									
		<input type="text"/>																									
		<input type="text"/>																									
No. Telefon:		<input type="text"/>						No. Telefon Bimbit:		<input type="text"/>																	
No. Kad Pengenalan/Pasport:		<input type="text"/>						Tarikh Lahir:		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>											
Status Perkahwinan:		<input type="text"/>						Warganegara:		<input type="text"/>						Jantina: L / P											
E-mel:		<input type="text"/>																									
Alamat Surat-Menyurat:		<input type="text"/>																									
		<input type="text"/>																									
		<input type="text"/>																									
		<input type="text"/>																									
		<input type="text"/>																									
		<input type="text"/>																		Poskod:		<input type="text"/>					
Kegunaan Peribadi:		<input type="checkbox"/> Ya																								<input type="checkbox"/> Tidak	
Perjanjian Kolektif/SOCSO/Perjanjian Pampasan Pekerja:		<input type="checkbox"/> Ya																								<input type="checkbox"/> Tidak	

### BUTIR-BUTIR PREMIS YANG AKAN DIINSURANSKAN

Nama Syarikat:		<input type="text"/>																																	
		<input type="text"/>																																	
		<input type="text"/>																		No. Pendaftaran Syarikat:		<input type="text"/>													
No. Telefon:		<input type="text"/>																																	
Lokasi Premis:		<input type="text"/>																																	
		<input type="text"/>																																	
		<input type="text"/>																																	
		<input type="text"/>																																	
		<input type="text"/>																		Poskod:		<input type="text"/>													
Jenis Perniagaan:		<input type="text"/>																																	
Klasifikasi Pembinaan:		<input type="text"/>		Tempoh Insurans: Dari		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		<input type="text"/>		Hingga		<input type="text"/>		<input type="text"/>	



## KAEDAH BAYARAN & PENGAKUAN

Saya ingin membayar premium RM \_\_\_\_\_ (termasuk semua cukai) (“Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar”)

Dengan:  Tunai  Cek (Sila palangkan cek dan di atas nama ‘AXA Affin General Insurance Berhad’)

Bank	No. Cek	Jumlah (RM)

Pemindahan Dalam Talian (Akaun Maya CIMB Bank)  -  -

Kad Kredit / Debit

Nota: Untuk pemindahan dalam talian, pembayaran kad kredit dan debit, sila hubungi wakil AXA anda.

Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa semua kenyataan yang terkandung di atas adalah benar, dan saya/kami tidak menyembunyikan sebarang kenyataan berkaitan permohonan ini.

Saya/Kami memahami bahawa ia adalah kewajipan saya/kami untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dan saya/kami dengan ini mengisytiharkan bahawa saya/kami telah menjawab soalan di atas dengan lengkap.

Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk membenarkan AXA Affin General Insurance Berhad dan/atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat AXA dan/atau mana-mana syarikat bersekutunya, di dalam atau di luar Malaysia, memproses Data Peribadi saya/kami untuk tujuan dan setakat mana yang dinyatakan dalam Notis Privasi Data.

Saya/Kami ingin menerima tawaran istimewa, promosi, tinjauan dan maklumat yang berkaitan dengan produk, acara dan perkhidmatan AXA Affin General Insurance Berhad dan/atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat AXA dan/atau mana-mana syarikat bersekutunya.

Tandatangan Pencadang:

Tarikh: hh/bb/tt

## PENGAKUAN OLEH PENGANTARA/PENGINSURANS

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah memeriksa salinan asal Kad Pengenalan/Pasport/dokumen Pendaftaran Perniagaan dan mengesahkan identiti Pencadang.

Tandatangan Pengantara/Penginsurans:

Tarikh: hh/bb/tt

Nama:

Kod Agensi:

**Nota:** Sila kepalikan salinan Kad Pengenalan/Pasport/dokumen Pendaftaran Perniagaan jika premium melebihi RM50,000

## DASAR DATA PERIBADI

Privasi anda penting kepada kami, AXA AFFIN General Insurance Berhad (“AXA Affin”), dan kami komited sepenuhnya untuk memastikan data peribadi anda di bawah jagaan kami adalah selamat dan terjamin. Perenggan-perenggan berikutnya akan memberi anda pemahaman yang lebih baik mengenai cara kami mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan, menjamin, berusaha untuk mengekalkan ketepatan serta cara anda boleh mengakses data peribadi anda.

### Pengumpulan Data Peribadi

Untuk memproses pembelian polisi insurans dan melaksanakan perkhidmatan polisi, anda perlu memberi kami data peribadi yang wajib diberikan seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, maklumat berkaitan dengan kesihatan atau keadaan mental anda, maklumat berkaitan dengan kewangan, keluarga dan bukan keluarga dll. Data peribadi anda direkodkan di dalam borang cadangan dan dokumen-dokumen lain yang berkenaan apabila anda berurusan atau apabila anda memerlukan penukaran atau perubahan ke atas maklumat peribadi anda. Data peribadi yang disediakan oleh anda akan dimasukkan ke dalam sistem maklumat kami untuk diproses, disimpan dan untuk pelaksanaan kewajipan kami berkaitan dengan polisi anda.

### Pemprosesan dan Penggunaan Data Peribadi

Kami memproses data peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

1. untuk pelaksanaan perjanjian-perjanjian di antara AXA AFFIN dan anda;
2. untuk pelaksanaan fungsi-fungsi kami;
3. untuk pelaksanaan proses usaha wajar kami untuk mengendalikan semakan latar belakang untuk menyangkan dan mengesahkan maklumat yang disediakan oleh anda;
4. untuk mematuhi semua undang-undang, kaedah, peraturan, garis panduan dan/atau keperluan undang-undang atau kawal atur yang terpakai, dan juga untuk keperluan kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, dan apa-apa pihak berkuasa yang kami tertakluk kepada, atau apa-apa perintah Mahkamah;
5. untuk tujuan litigasi, membela atau membalas sewajarnya kepada tindakan undang-undang sebenar atau berpotensi atau pertanyaan yang melibatkan badan pengatur dan badan bukan pengatur;
6. secara umumnya untuk melindungi hak-hak dan harta tanah kami dan juga untuk memastikan kecekapan teknikal dan perfungisian sistem kami;
7. untuk memantau dan mengesan apa-apa aktiviti penipuan dalam industri insurans;
8. untuk pemasaran (termasuk pemasaran langsung) produk insurans;
9. untuk mengendalikan penyelidikan pasaran, memahami dan menganalisis tingkah laku, lokasi, pilihan dan demografi pelanggan kami agar kami dapat menawarkan kepada anda produk dan perkhidmatan lain dan juga melaksanakan tawaran khas dan program pemasaran yang mungkin relevan kepada pilihan dan profil anda; dan
10. apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan di atas.

Semua data peribadi yang diminta oleh kami adalah wajib kecuali dinyatakan sebaliknya. Sekiranya anda tidak menyediakan kepada kami maklumat yang berkenaan, kami mungkin tidak dapat menyediakan anda dengan perlindungan insurans atau membalas kepada apa-apa tuntutan.

### Penzahiran Data Peribadi

Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas kepada pihak-pihak berikut (termasuk di dalam dan di luar Malaysia):

1. syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat berkaitan (“Kumpulan AXA”);
2. mana-mana ejen, pembekal perkhidmatan, kontraktor atau pihak ketiga yang menyediakan apa-apa perkhidmatan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan AXA;
3. mana-mana orang yang mempunyai kewajipan kerahsiaan kepada kami; sebagai contoh, juruaudit luar, pengamal perubatan, pemegang amanah, syarikat insurans, dan aktuari;
4. agensi kerajaan, badan pengatur, dan pihak berkuasa lain;
5. rakan-rakan perniagaan dan pakatan strategik kami;
6. pemegang serah hak atau bakal pemegang serah hak, pemeroleh atau bakal pemeroleh dan pengganti hakmilik kami; dan
7. apa-apa pihak lain, yang mana anda telah memberi persetujuan untuk menzahirkan data peribadi anda.

### Permintaan untuk Akses dan Pembedulan

Kami mengambil semua langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi yang disediakan oleh anda atau pihak yang dibenarkan oleh anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini selaras dengan tujuan data peribadi tersebut dikumpul dan diproses selanjutnya.

Sila hubungi kami atau Pegawai Privasi kami di 03-2170 8282 sekiranya anda ingin mengakses kepada atau membetulkan data peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini. Anda boleh juga faks atau emel kami dengan menggunakan butiran yang dinyatakan di bawah. Kami akan menggunakan usaha munasabah untuk memenuhi akses dan membuat pembedulan secepat mungkin. Fi mungkin akan dikenakan untuk tujuan ini. Kami mungkin meminta pengesahan mengenai identiti anda sebelum membenarkan akses atau pembedulan tersebut dan apa-apa butiran lain untuk membantu kami menangani permintaan atau kebimbangan anda dengan sewajarnya.

### Produk dan Perkhidmatan Baru

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mempromosikan kesedaran dan pemahaman lebih mendalam terhadap produk dan perkhidmatan baru kami yang berfaedah kepada anda, kami dari semasa ke semasa akan menghubungi atau menghantar maklumat berkaitan dengan produk dan perkhidmatan baru tersebut kepada anda.

### Pertanyaan dan Aduan

Sekiranya anda perlu menghubungi kami atau sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau aduan (seperti mengehadkan pemprosesan maklumat tertentu, termasuk penarikbalikan persetujuan), sila menulis kepada kami di:

#### AXA AFFIN GENERAL INSURANCE BERHAD

Customer Service Department Ground Floor,

Wisma Boustead, 71 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur

Tel : 603-2170 8282 atau Faks : 603-2031 7282 atau Emel : customer.service@axa.com.my

Aduan anda akan diurus dan diselesaikan melalui Prosedur Aduan dalaman kami.